

31 MAR 2002

Keganasan-Syed Hamid/I

M'SIA HARAP ISU KEGANASAN DIBINCANG DENGAN RASIONAL

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Malaysia berharap perwakilan pada Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan yang bermula di sini esok akan membincangkan isu yang berbangkit dengan rasional dan rasa tanggungjawab.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata memang terdapat kebimbangan bahawa mesyuarat seperti ini akan menghasilkan pertembungan pendapat.

"Kita bukannya hendak mencari kesalahan sesiapa tetapi mahu mencari penyelesaian tentang bagaimana menangani ketidakadilan, penindasan, punca (keganasan) dan merumuskan langkah yang boleh diambil secara bersama dengan masyarakat dunia," katanya.

Syed Hamid berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Pusat Media Antarabangsa (IMC) bagi kegunaan wartawan tempatan dan antarabangsa yang membuat liputan mesyuarat tiga hari itu. Pusat itu dikendalikan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Beliau berkata mesyuarat itu akan mengenengahkan perpekstif Islam berhubung soal keganasan yang tidak sewajarnya pada bila-bila masa dikaitkan dengan mana-mana agama, bangsa atau kebudayaan.

Sesi khas yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dijangka akan menghasilkan deklarasi yang antara lain akan menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bagi menanganinya.

"Kita yakin berdasarkan perbincangan yang telah diadakan dan kenyataan yang disediakan, akan ada konsensus," katanya.

Berikutan serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas, imej Islam dan penganutnya secara umum telah tercalar dan banyak laporan bahawa masjid dan pusat Islam di merata dunia dicabuli serta umat Islam diganggu.

Syed Hamid berkata: "Selepas kejadian 11 Sept, kini tepat pada masanya bagi pandangan umat Islam diketengahkan kepada pandangan dunia berhubung soal keganasan."

Beliau mengulangi bahawa sesi khas itu sepatutnya menjadi pendahulu kepada persidangan antarabangsa yang akan membincangkan mengenai keganasan.

Ketika diminta mengulas perkembangan di Palestin, Syed Hamid berkata Malaysia menganggap kekejaman yang dilakukan oleh Israel ke atas rakyat Palestin sebagai keganasan negara.

Katanya, pendirian Kuala Lumpur adalah Israel seperti juga negara-negara lain, wajib mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi memastikan Asia Barat aman semula.

"Israel tidak harus dikecuali daripada mematuhinya, ia perlu menghormati pandangan masyarakat dunia jika mahukan keamanan.

"Itu sebabnya Malaysia mencadangkan perlu ada sebuah pasukan antarabangsa memisahkan dua pihak terbabit sebelum sebarang usaha perbincangan dimulakan," katanya.

Syed Hamid berkata adalah penting mereka yang berjuang menentang ketidakadilan, penindasan atau pendudukan oleh kuasa asing tidak disamakan dengan penganas.

Dalam perkembangan terbaru, tentera Israel yang mengepung ibu pejabat Presiden Yasser Arafat di Ramallah, Tebing Barat telah menembak ke arah pejabat pemimpin Palestin itu.

Menurut laporan agensi berita asing, beberapa pengawal Arafat cedera dalam serangan itu termasuk dua yang berkeadaan parah.

Syed Hamid menambah kata bahawa PBB dan Amerika Syarikat perlu memainkan peranan bagi mencari penyelesaian kepada kekalutan di Asia Barat.

"Semua pihak perlu menerima kenyataan bahawa tindakan ganas perlu dihentikan. Selagi PBB tidak bersedia campur tangan dan memainkan peranan utama, kita akan terus menghadapi masalah," ujarinya.

-- BERNAMA

MAM RT ZS MOZ